

28 FEB 2003

Abdullah-media

KEJAYAAN NAM BUKTIKAN MEDIA ASING GAGAL BURUKKAN  
MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Kejayaan Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) menunjukkan kegagalan media asing untuk memburuk-burukkan negara ini dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau sudah menjangkakan media asing akan terus memburukkan Malaysia terutama semasa berlangsungnya NAM di sini.

"Apa yang kita buat dan tidak menyenangkan hati mereka dan bertentangan dengan agenda mereka, mereka akan burukkan kita," katanya pada sidang media selepas meraikan para pegawai dan anggota polis yang bertugas untuk persidangan itu di Pusat Latihan Polis di sini hari ini.

Persidangan itu yang berlangsung Isnin dan Selasa lepas, dianggap paling berjaya dalam sejarah NAM.

Abdullah berkata sebagai negara berdaulat, Malaysia akan terus bersuara lantang untuk menyatakan hasrat pemimpin dan rakyat negara ini.

"Malaysia tidak akan tunduk kepada tekanan dan kemahuan dari negara asing malah kebebasan bersuara akan terus merupakan hak negara ini," katanya.

Beliau berkata Malaysia turut menghadapi kecaman media asing semasa krisis kewangan yang melanda rantau ini, tetapi ia tidak menghalang negara untuk berusaha mengatasi masalah.

"Mereka dahulu mengkritik Malaysia dan Perdana Menteri tetapi kita terus mara dan kita tahu apa yang kita buat dan kita berjaya," katanya.

Katanya, semasa krisis itu, Malaysia tidak mengikut "established strategy" yang diguna oleh pemikir Washington dengan menerima Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), malah Malaysia menggunakan cara yang tidak "orthodox".

"Kita akhirnya telah membuktikan bahawa kita betul. Kita tidak menghadapi kos sosial yang tinggi untuk merealisasikan pemulihan ekonomi," kata Abdullah.

Kelebihan Malaysia bukan sahaja terletak kepada kemampuan untuk melaksanakan idea-idea pemimpinnya, malah kekuatan itu terletak kepada keyakinan rakyat dan komitmen kerajaannya, kata Abdullah.

Beliau juga bersyukur kerana Tuhan telah memperkenankan doa pemimpin dan rakyat Malaysia supaya NAM berlangsung tanpa sebarang insiden yang boleh mencemarkan imej negara.

"Cuma ada satu insiden di mana seorang diplomat telah "kehilangan" beg bimit yang mengandungi wang yang banyak di tempat persidangan," katanya.

Selepas laporan polis dibuat, anggota polis yang bertugas telah menemui beg terbabit dan dibuka di hadapan diplomat itu yang mendapati tiada sesen pun wang yang ada hilang, kata Abdullah.

Sementara itu, jurucakap polis berkata 8,500 anggota polis yang bertugas semasa NAM akan mula balik tempat bertugas masing-masing mulai hari ini.

Proses itu akan mengambil masa tiga hari kerana sebahagiannya masih diperlukan untuk menyiapkan tugas tertentu selepas persidangan itu.

-- BERNAMA

SLR AHH LAT